

TAKMILAH NOVEL SETEGUH FIKRAH SALEHA, KARYA AMINAH MOKHTAR

Rosnani Ripin¹

Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra

ABSTRAK

Konsep-konsep Islam seperti akidah, ibadah, dakwah, khalifah dan jihad pada novel Seteguh Fikrah Saleha dapat ditemui berdasarkan pengaplikasian gagasan teori Takmilah. Penelitian analisis ditumpukan terhadap novel tersebut dengan mengemukakan konsep akidah dari sudut kepercayaan kepada Allah SWT, kepercayaan kepada Rasul-rasul Allah sebagai pemimpin, kepercayaan kepada kitab-kitab Allah SWT, kepercayaan kepada hari kiamat, dan kepercayaan kepada qada' dan qadar Allah SWT; konsep ibadah dari sudut pandangan manusia dengan Allah SWT (habl min Allah) dan hubungan manusia dengan manusia (habl min al-nas); konsep khalifah dari sudut Insan Kamil, insan Rabbani dan insan Khalifah; konsep dakwah dari sudut berdakwah kepada orang-orang Islam dan bukan Islam; dan konsep jihad dari sudut jihad besar dan jihad kecil. Novel ini dipilih sebagai data kajian adalah terdiri daripada novel-novel mutakhir yang dihasilkan oleh pengarang wanita Malaysia. Pengkaji memilih novel tersebut kerana berunsur Islam dan pengarangnya pernah menang dalam pelbagai anugerah sastera. Kajian karya ini diharap akan memberi pendedahan dan kefahaman kepada khalayak pembaca bahawa melalui karya sastera juga dakwah dapat disampaikan dengan penuh kreatif dan berkesan kepada pembaca umum.

PENGENALAN

Takmilah merupakan istilah yang berhubung dengan sifat Allah “root” dan berasal dari kata “Kamal” yang berhubung dengan “Tajmilah” yang berasal dari perkataan “Jamal”. Sastera merupakan hasil karya yang mengandungi unsur estetika yakni “keindahan” yang merujuk kepada salah satu sifat Allah yang terkandung dalam asma al-husna iaitu “Jamal” bermaksud *indah*. Keindahan *al-Jamal* merupakan salah satu sifat Allah yang memperlihatkan kesempurnaan yang ditonjolkan dalam sesebuah karya sastera. Pengkarya sastera ini sentiasa memperlihatkan ciptaan Allah baik dari sudut “Qahhar” (keperkasaan-Nya), “Jalal” (keperkasaan-Nya) yang dapat dilihat dari keagungan kejadian sekalian alam.

Takmilah dibina atas kepercayaan yang didasarkan kepada konsep kesyumulan Islam. Segala aspek dan bidang kehidupan manusia terangkum dalam lingkungan tauhid. Sempadan tauhid menjadi garis pemisah yang akan memaknakan sesuatu karya di sisi *Takmilah*. Oleh itu, bidang sastera yang terdapat unsur estetika tidak terkecuali dari ketauhidan ini. Aspek ketauhidan yang memuncakkan kesyumulan itulah menjadi falsafah kepada pembinaan teori *Takmilah*. *Takmilah* boleh dianggap satu teori yang bersifat universal yang merangkumkan semua aspek kepengarangan ke dalam acuan Islam. *Takmilah* menuntut semua pihak yang berada dalam lingkungan sastera menyedari bahawa, sastera itu sebagaimana juga bidang lain dalam Islam, mempunyai fungsi

¹ Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (Kias), rripin@yahoo.com

pelengkap yang akan melengkapkan jati diri keIslaman pada diri seseorang pengarang Islam dan karya yang dihasilkannya. Tuntasnya teori *Takmilah* menyempurnakan sifat keIslaman menerusi sastera.

Dalam Islam, sastera bukan sesuatu yang wajib, tetapi merupakan suatu keperluan yang boleh ditunaikan beberapa tuntutan-tuntutan agama. Dalam hal ini, menunaikan tuntutan Islam itu merupakan suatu kewajipan yang akan mengangkat segala bentuk aktiviti dalam sastera itu sebagai suatu ibadah. *Takmilah* membuka ruang kepada para pengarang, teks dan khalayak agar dapat diterima hasilnya sebagai sesuatu yang *haq* dan bernilai (berpahala) di sisi Allah. Sebagaimana bidang-bidang lain yang berangkaian dengan Islam, maka sastera juga tidak terkecuali. Oleh kerana itu *Takmilah* bertitik tolak daripada asas yang menyakini bahawa semua manusia (termasuk pengkarya/penulis) itu mempunyai tanggungjawab terhadap Allah dan Rasul-Nya serta tidak akan sempurna sifat kepengkaryaan seseorang pengkarya itu, melainkan berusaha untuk membawa karyanya ke tahap yang boleh diterima Allah sebagai suatu ibadah. Oleh itu, sandaran pengkaryaan mengikut teori *Takmilah* ialah tauhid. Yakni menanggapi bahawa pengarang, karya dan khalayak tidak boleh memisahkan diri dari lingkungan syariat Allah SWT dan Rasul-Nya. Teori ini mula diperkenalkan setelah Shafie mendapati teori-teori yang diutarakan oleh pentiori barat seperti teori psikoanalisis, intertekstualiti, marxisme, feminisme dan dialogisme bakhtin tidak menepati dan bersesuaian dengan orang Melayu yang beragama Islam. Pada peringkat awal satu kertas kerja telah dibentangkan oleh tokoh. Oleh itu, teori *Takmilah* muncul hasil daripada pembentangan beberapa siri kertas kerja yang membincangkan teori dan konsep sastera Islam. Pada peringkat awal satu kertas kerja telah dibentangkan oleh tokoh yang berjudul '*Sastera Islam: teori pengindahan dan penyempurnaan dalam rangka tauhid*' di Port Dickson pada 29 - 31 Oktober 1992 (Shafie Abu Bakar, 1997). Walau bagaimanapun, istilah *Takmilah* tidak muncul pada waktu itu sebagaimana yang difahami hari ini. Perbincangan umum dalam kertas kerja itu, ternyata telah membuahkan idea kepada tokoh untuk mengagaskan satu kerangka teori yang boleh digunakan sebagai landasan kritikan dan analisis karya.

Istilah '*Takmilah*' hanya disebut dan diketengahkan sebagai satu gagasan apabila tokoh membentangkan kertas kerja berjudul '*Takmilah: teori Sastera Islam*' sempena Nadwah Sastera Islam antarabangsa, anjuran Dewan Bahasa Pustaka (DBP) pada 1 - 3 Disember 1993. Aplikasi pertama yang telah dilakukan tokoh bagi mengukuhkan lagi teori yang digagas ialah terhadap kumpulan puisi *Kau dan Aku* oleh A. Aziz Deraman dan hasilnya telah dibentangkan pada majlis Diskusi Buku Sempena Minggu Sastera Malaysia pada tahun 1994.

Teori *Takmilah* terdapat 7 prinsip iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal*, prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*, prinsip Islam yang bersifat *Akmal*, prinsip Ilmu dengan sastera yang bersifat *Takamul*, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat *Takmilah*, prinsip pada pengkarya yang seharusnya *mengistikmalkan* diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *Kamil*.

Kamal bermaksud sifat Allah SWT yang maha sempurna. Prinsip pertama dalam teori *Takmilah* ini menghuraikan hubungan dua sifat Allah SWT iaitu *Kamal* (sempurna) dan *Jamal* (keindahan). Kesempurnaan-Nya terpancar melalui makhluk kejadian-Nya. Kewujudan manusia yang telah dibentuk oleh Allah SWT dengan sebaik-baik

kejadian memperlihatkan sifat *Kamal* dan *Jamal*-Nya. Prinsip ini dengan kata lain menekankan aspek ketuhanan dalam sesebuah karya untuk sampai kepada tahap “sempurna”. Sifat Allah SWT yang Maha Sempurna ini dapat dilihat melalui makhluk dan alam ciptaan-Nya.

Teori *Takmilah* yang kedua iaitu prinsip keRasulan sebagai insan *Kamil* mempunyai pertalian dengan Rasulullah SAW sebagai insan *Kamil* yang mempunyai pertalian dengan istilah “*Kamal*” bererti sifat Allah yang Maha Sempurna. Terdapat 3 konsep ideal keinsanan dalam falsafah pemikiran Islam iaitu Insan *Kamil*, Insan Khalifah dan Insan Rabbani. Insan Khalifah merujuk kepada kemampuan dan kebolehan insan yang dapat menjadi pemimpin, dilihat dalam pelbagai aspek untuk menjadi khalifah seperti berkeperibadian tinggi, berilmu, kepimpinan dan akhlak yang dianggap sempurna sebagai khalifah. Insan Rabbani pula dapat dilihat dari aspek kerohanian dan mendekati diri kepada Allah. Kesempurnaan-Nya yang terpancar melalui makhluk kejadian-Nya. Oleh itu, insan Khalifah dan insan Rabbani membawa kepada peningkatan insan kepada insan *Kamil* iaitu Rasulullah SAW.

Prinsip yang ketiga, prinsip Islam yang bersifat Akmal ialah menjelaskan Islam merupakan satu-satunya agama yang diredhai-Nya dan ia merupakan agama yang sempurna dari segenap aspek. Firman Allah ada menjelaskan bahawasanya al-Qur’an itu sendiri menyebut tentang kesempurnaan (*Akmal*) ajaran Islam. Misalnya, melalui karya sastera yang dilahirkan suatu masa nanti akan dapat memupuk masyarakat Islam yang patuh kepada ajaran agama Islam yakni melaksanakan segala suruhan Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya. Secara kesimpulannya sesebuah karya sastera yang dihasilkan akan dapat membentuk individu, masyarakat dan umat yang mempraktikkan kesyumuluan Islam dalam kehidupannya. Melalui prinsip ini ditegaskan bahawa seseorang sasterawan muslim perlulah membawa mesej kesempurnaan Islam kepada khalayak pembaca dalam pelbagai aspek kehidupan sekaligus dapat memupuk masyarakat ke arah kemurnian dan kesejahteraan.

Prinsip keempat melihat hubungan sastera dengan ilmu yang mempunyai pertalian dengan diri sendiri khususnya melalui akal dan hati. Keperluan ilmu dengan sastera yang menjadikan teori *Takmilah* sebagai teori yang saling melengkapi iaitu *Takumul*. Akal merupakan alat untuk mencapai keilmuan terhadap ilmu yang bersifat alamiah dan rasional. Manakala, hati adalah saluran ke arah keilmuan rohani yang dikenali sebagai makrifat. Penulis mengangkat ilmu yang bermanfaat dalam menghasilkan sesebuah karya kepada pembaca, dimana ilmu sastera adalah bersifat *Takumul* tentang kesempurnaan yang menyeru manusia kepada kebenaran. Justeru, ilmu dan sastera saling berkaitan antara satu sama lain iaitu bersifat *Takumul*.

Prinsip kelima pula melihat sastera yang berciri estetik ini dapat dilihat dari dua aspek iaitu keindahan lahiriah dan keindahan maknawi. Manusia memerhati alam untuk mendapat ilham memperlihatkan tahap keperihatinan manusia dan ia diterapkan dalam hasil karya. Lahiriah berkaitan teknik dalam penghasilan karya seperti bentuk, struktur, plot, watak, bahasa, diksi, nada dan sebagainya. Manakala, maknawi dapat dilihat dari segi isi, tema, idea, mesej, sudut pandangan dan sebagainya. Justeru, apabila elemen-elemen ini digabung menjadi satu akan menjurus kepada proses penciptaan dan pembinaan karya sastera secara kreatif, indah dan sempurna dari aspek dalaman dan luaran.


Prinsip yang keenam ini pula ialah bermaksud pengkarya itu sendiri melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu keIslaman dan ilmu-ilmu yang berhubung dengan sastera iaitu seorang sasterawan muslim seharusnya tergolong dalam golongan yang alim dalam ilmu-ilmu Islam terutama ilmu yang ingin disampaikan kepada khalayak. Ilmu yang dimiliki itu seharusnya secara mendalam dan diterapkan ke dalam hidupnya sendiri. Selain itu, pengkarya haruslah menguasai ilmu-ilmu yang berhubung dengan karya secara umum, teori, dan kritikan serta ilmu-ilmu lain maka dengan ini akan dapat membantu pengkarya dalam meluaskan kefahaman dirinya sendiri tentang sastera sekaligus dapat membantu pengkarya dalam mengaplikasikannya dalam karya-karya sastera mengikut kesesuaiannya dengan sastera Islam.

Selain itu, pengkarya juga perlu seorang yang beragama Islam sebelum mereka mengajak pembaca menghayati kesyumulan Islam baharulah ia dikatakan sastera Islam yakni sastera yang mengangkat martabat Islam sebagai sebuah agama (Diin) yang sempurna dari segala aspek. Oleh itu, jika pengarang itu bukan beragama Islam maka ia bukanlah dikategorikan sebagai karya yang berunsur Islam kerana apa yang ditulis mengenai Islam walaupun dia mengangkat martabat Islam sebagai sebuah agama yang sempurna hanyalah dianggap sebagai bersifat lakonan semata-mata.

Hubungan antara khalayak dengan karya sememangnya tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, sesebuah karya sastera Islam perlulah berunsurkan pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah kebaikan. Sebuah karya sastera yang dihasilkan oleh seseorang penulis seharusnya dapat mewujudkan kesedaran, keinsafan dan sebagainya yang diperoleh oleh khalayak daripada karya yang dibaca melalui watak yang paparkan oleh pengkarya ke dalam karyanya. Tuntasnya sebuah karya yang baik adalah karya yang mengamalkan konsep amar makruf, nahi mungkar dan ini merupakan suatu pencapaian tahap kesempurnaan dalam khalayak bagi memupuk diri menjadi insan *Kamil*.

Dengan tujuh prinsip yang dikemukakan Shafie Abu Bakar, hanya empat prinsip sahaja yang akan digunakan untuk mengkaji novel ini. Hal ini kerana, hanya empat prinsip yang terpilih ini sahaja yang menepati dan sesuai menganalisis novel yang dipilih dari aspek kritikan Teori Takmilah Shafie Abu Bakar sebagai karya sastera Islam. Antara prinsip tersebut ialah prinsip keTuhanan yang bersifat *Kamal*, prinsip keRasulan sebagai insan *Kamil*, Prinsip Islam yang bersifat *Akmal* dan prinsip khalayak bertujuan memupuk ke arah insan *Kamil*.

Prinsip- prinsip ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan gambarajah di bawah:



Sumber: "Takmilah;Teori, Falsafah dan Prinsip dalam Sastera dan Budaya Dalam Kajian Akademi", JPM, Bangi, 1997

SINOPSIS NOVEL SETEGUH FIKRAH SALEHA

Novel ini mengisahkan seorang wanita yang bernama Saleha memperjuangkan warisan pusaka nenek moyangnya. Demi cinta yang besar kepada kehidupan bangsa dan agama, moyangnya membuka ratusan ekar hutan di Tanah Melayu sehingga menjadi jutawan di zamannya. Berkat kegigihan dan semangat yang utuh, dia berharap agar serpihan cinta kasih itu diwarisi cucu cicitnya. Tapi sayang, pewaris yang disangka dapat mengekalkan status kejayaan akhirnya kecundang dan merempat di bumi sendiri. Saleha, garapan pengarang sebagai anak yatim yang dimusuhi bapa saudara dan sepupu-sepupunya sendiri mewarisi semangat cinta kasih moyangnya. Walaupun Saleha berdepan dengan berbagai masalah dan dugaan, tetapi segalanya menjadi pendorong dan kekuatan untuk dia terus berjuang mempertahankan warisan pusaka nenek moyangnya. Saleha digarap sebagai wanita yang teguh berdiri dalam menegakkan kembali maruah keluarga dan mempertahankan hak moyangnya yang hilang yakin kebenaran dan keadilan Allah akan berpihak kepadanya kerana dia benar dan tidak menyalahi hukum Allah. Dia tetap bangkit dan meneruskan perjuangan hidup walau pelbagai rintangan dan halangan merentangi usahanya, keyakinannya pada kekuasaan Allah mengatasi kuasa manusia membuat hatinya teguh dan tidak mudah goyah walaupun dia seorang wanita.

KESEMPURNAAN CIPTAAN ALLAH SWT

Kesempurnaan Allah SWT adalah apabila manusia dicipta dengan pelbagai keindahan sebagai khalifah Allah swt. Manusia mengenal Allah SWT digambarkan pada watak-watak dalam novel Seteguh fikrah Saleha. Watak Saleha dengan perwatakan yang yakin, teguh nama yang digarap oleh pengarang bermaksud menepati sifat-sifat yang seorang wanita Islam yang solehah. Gambaran keyakinan watak Saleha kepada kekuasaan Allah SWT digambarkan oleh pengarang berdasarkan petikan di bawah:

...Esok, aku tak pasti lagi dapat hidup lagi ataupun tidak. Maknanya, tiap-tiap hari pada hari yang bernama hari ini, aku kena bekerja bersungguh-sungguh dan yakin pada kemurahan Allah untuk aku buang kehidupan yang susah...

(SFS hlm. 15-16.)

Garapan pengarang yang membayangi ciri-ciri kesempurnaan alam bukan sahaja indah bahkan memberi manfaat kepada manusia. Garapan penulis tentang berbudi kepada alam dan mengekalkan keindahan alam manusia dapat mengenali dan menghayati kebesaran Allah. Keindahan suasana ini dapat diteliti seperti petikan berikut:

Ängin Tanah Rancangan Bukit Ledang tiba-tiba kencang. Entah kenapa, padahal seketika tadi aku bau pejamkan mata menghirup aroma paku-pakis serta harum senduduk dan leletup kelambu yang dicantas dalam semak belukar, dalam sepoi angin bukit dan anak sungai tanah berpaya. Syukurlah, pohon cempaka dan kenangan yang arwah abah tanam di tepi parit dia halaman rumah sebelum solat Jumaat terakhirnya dahulu, berbunga lebat. Harum bunganya menjadi terapi untuk kuubati hati yang pedih.

(SFS: hlm 37)

Cemuan daripada saudara maranya tidak menggoncang keyakinannya kepada kekuasaan Allah SWT.

Penulis menghargai keindahan yang dicipta oleh Allah sebagai tanda kebesaran-Nya. Sesungguhnya keindahan itu adalah bayangan daripada keindahan Ilahi. Daripada kejadian alam itu sendiri, menimbulkan keajaiban dan misteri kejadian-Nya. Hanya manusia yang beriman sahaja yang mampu mentafsir dan menghayati ciptaan Allah. Melalui novel ini, penulis telah membuat perenungannya terhadap kejadian Allah. Ini dapat dilihat apabila Saleha bermonolog sebagaimana berikut:

Begitu aku meyakinkan diri bagaimana cara terbaik untuk mencari kehebatan diri dan kehebatan diri orang lain. Mengelakkan diri dari dipasung rasa ego, sombong, böngkak, takbur dan membangga diri. Berpesan Rasulullah Sallallahua Alaihi Wasallam dalam hadis sahih yang maksudnya; Allah berfirman, "Hargailah hidup sendiri dan hargai hidup orang lain. Kami jelaskan yang demikian itu supaya kamu jangan berduka cita terhadap apa yang hilang dari kamu dan supaya kamu jangan terlalu gembira terhadap apa yang diberikan kepadamu. Dan Allah tak menyukai orang yang sombong lagi membanggakan diri.

(SFS: hlm. 335)

Jelas novel ini membawa prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal* dan *Jamal*. Keindahan (*al-Jamal*) merupakan salah satu sifat Allah yang memperlihatkan kesempurnaan-Nya. Sepertimana dalam Hadith Nabi riwayat Bukhari dan Muslim (di dalam kitab al-Iman). Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "*Bahawasanya Allah itu Indah. Dia sukakan keindahan.*" Oleh itu, segala ciptaan Allah sebagai manifestasi *Jamal* Allah yang akhirnya memperlihatkan *Kamal-Nya*. Dengan keindahan dan kebesaran itu akan memperlihatkan sifat *Kamal* Allah yang Maha perkasa (*Qahhar*) dan Maha besar (*Jalal*).

Olahan pengarang pada watak Saleha lebih jelas dengan namanya bermaksud wanita solehah dapat dilihat sebagaimana berikut:

Aku ulangi bacaan penuh barakah dan penuh himah itu; surah al-Insyirah ayat 1 hingga 8 yang marhumnya; Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani; Bukankah kami sudah melapangkanmu dadamu? Dan Kami telah menghilangkan daripadamu bebanmu, yang memberatkan punggungmu, dan kami tinggikan bagimu sebutan [nama]mu. Kerana sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan. Maka apabila kamu telah selesai [dari sesuatu urusan], kerjakanlah dengan sungguh-sungguh [urusan] lain, Dan hanya kepada Tuhanmulah hendaknya kamu berharap. Maha Besar Allah yang Maha Agung. Keyakinanku kukuh dengan ajaran Kitab suciMu

(SFS : hlm .294)

Prinsip Keislaman yang bersifat Akmal.

“Tuhan, aku mahu jadi anak cucu yang berani menjalankan tanggungjawab. Walau payah, walau seksa. Berikanlah aku kekuatan perjuangkan cita-cita murni arwah moyang, atuk dan arwah abahku, Tuhan. Tanah yang kupijak ini milik cucu-cicit mereka, Rumah yang kutumpangi ini mreke wariskan untuk ku wariskan kepada keturunan mereka. Berikanlah aku kekuatan, ya Tuhan. Berikanlah!

(SFS: hlm.20)

Sifat syukur pada watak-watak yang digarapkan oleh pengarang yang jelas, antaranya watak Saleha sering mengucap perkataan” syukur”,” Alhamdulillah”. Ini dapat dilihat berdasarkan petikan berikut:

“Aku ketap bibir menahan sebak. Tetapi kenapa aku mesti berasa sebak? Tak, tak perlu sebak. Cepat-cepat aku duduk tegak dan pandang tenang ke mukanya. Syukur, aku berjaya kawal segala macam perasaan yang tak perlu hadir hanya untuk melemahkan hati.”

(SFS: hlm 22)

Saleha bersyukur dengan keyakinan pada Allah, dia berjaya menahan sedih dan menutup kelemahan dirinya supaya tidak tewas dengan janji-janji kosong sepupunya. Saleha bertanggungjawab mempertahankan amanat nenek moyangnya.

Kekuatan iman Saleha yakin dengan kekuasaan Allah dengan bersyukur dalam apa jua keadaan, nescaya Allah akan menambahkan nikmat dan pemberianNya kepada hambaNya. Bahkan bersyukur adalah tanda perhubungan dengan pemberi nikmat, dan bahawa kamu telah menjauhkan dirimu dari sikap takbur dengan apa yang diberikan kepada hambaNya, dan kamu mengetahui bahawa Allah SWT sahaja yang member nikmat. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras.”

(Surah Ibrahim: ayat 7)

Ketenangan diri dengan ketaqwaannya kepada Allah SWT dapat dikesan melalui garapan pengarang berdasarkan petikan di bawah:

*“Tsunami yang sudah jinak tadi datang lagi. Aku hampir-hampir kejang. Mati terkejut. Tetapi hati terus bisikan kalimah indah lepas solat Subuh pagi tadi. Kalimah indah untuk jdi orang berjaya. Aku usir tsunami, aku rasa seronok dapat jadi air tenang dalam kolam sebelah rumah pusaka atuk.
“kenapa dengan dia?” terima kasih hati, kerana mampu bersabar. Terima kasih akal, kerana mampu berfikir.*

(SFS: hlm.22)

Tuhan, suara raksasakah yang kudengar itu? Mengapa si tamak haloba ini masih tak puas-puas mahu hidup darah dan keringat orang? Mengapa anak-anak Datuk Syawal masih tak puas-puas lihat keturunan arwah Munawar hidup merana? Mengapa mereka hendak kami tinggal sehelai sepinggang? Aku tarik nafas panjang dan lepaskan perlahan-lahan. Sayup-sayup di sudut hari aku rasa macam mahu menangis. Tetapi aku tetap terdnegar jelas di telinaga doa dan kalimah suci kulaafaszkan sesudah solat Subuh tadi, Kalimah untuk jadi orang berjaya.

(SFS: hlm : 24-25)

Selain itu, teori *Takmilah* berdasarkan prinsip yang digagaskan oleh Shafie jugamenghuraikan Islam sebaqai agama yang sempurna merangkumi aqidah, akhlak, ibadat dan syariat. Peraturan-peraturan tersebut sudah termaktub tertulis dalam al-Quran, hadis, ijmak dan qias sebagai rujukan dan pegangan kehidupan insan yang sempurna. Ini dapat ditemui perwatakan garapan pengarang sebgaimana pada petikan berikut:

“Biarlah Enom, apa pun yang mereka buat, jangan ambil pusing sangat. Mereka anak-anak arwah emak dan abah kau. Kalau kita hormat hak emak dan abah kita, Insyallah kita selamat dunia akhirat.”

(SFS: hlm 28)

Garapan watak-watak dan perwatakan Enom dan Saleha menepati dengan ajaran Rasulullah SAW yang mengajar umatnya cara untuk berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa, walaupun mereka sudah tiada. Malik bin Rabiah’al-Sa’idi melaporkan:

Ketika kami bersama Rasulullah SAW, seorang lelaki dari Bani Sulaim dating bertanya kepada Rasulullah SAW, adakah ada sesuatu yang aku boleh lakukan untuk menyambung bakti kepada ibu bapaku selepas mereka meninggal dunia?” Baginda menjawab: “Ya, Doakanlah mereka, mohonlah keampunan untuk mereka, laksanakan janji mereka, hormatilah sahabat mereka dan sambunglah tali persaudaraan yang tidak bersambung melainkan dengan keduanya.”

(Sunan Ibnu Majah)

Amanah nenek moyang dan arwah abahnya yang dipikul oleh Saleha tersebut dapat lagi ditemui pada garapan pengarang sebagaimana berikut:

Ītu tanah kita, emak. Tanah yang diwasiatkan arwah atuk dan moyang untuk emak. Itu rumah atuk. Rumah yang aarwah moyang buatkan atuk. Duit boleh kita cari, tetapi keturunan, boleh kita beli? Aku ternampak arwah abah. Terdengar-dengar suara tenangnya. “Itu sahaja waris daripada arwah moyang kau, Leha. Kau anak yang tua, sebab itu abah benar-benar harapkan Leha masuk universiti. Nama Leha itu, arwah moyang kau yang berikan. Dia yang qamatkan Leha. Dia yang cecahkan kurma yang dia kulum ke dalam mulut Leha. Dia hendak leha dapat berkat. Belum pun sebulan umur leha, dia meninggal dunia. Dia kata, ada tanda pada mata aku, yang Leha boleh pertahankian hak cucu-cicit dan keturunan dia. Tetapi

halangannya bukan sedikit. Sama susahnya masa arwah atuk, nenek moyang dia buka hutan berekar-ekar dahulu.”

(SFS: hlm 141)

Sifat dan sikap Saleha yang sentiasa mendoakan kedua ibu bapanya mendapat keampunan dan rahmat Allah SWT, melaksanakan janji, wasiat dan amanah kedua ibu bapa dan nenek moyangnya menepati dengan pesanan baginda SAW. Selain itu tindakan Saleha yang menghormati sahabat-sahabat kedua ibu bapa termasuk jiran-jiran dan seluruh orang kampung jelas sekali.

Bahkan cara Saleha yang bijak berkomunikasi dengan sepupunya yang mata duitan dan kebendaan, tanpa menimbulkan perbalahan demi menjaga hubungan persaudaraannya, Saleha menjawab dengan berhemah walaupun tidak setuju dan membantah cadangan bapa saudaranya Datuk Syawal dan anak-anaknya.

Sikap benci, dendam tidak wujud di hati Saleha diolah begitu jelas oleh pengarang berdasarkan ungkapan monolog Saleha seperti petikan di bawah:

Aku ingin melupakan segala perbuatan mereka. Tetapi hati masih payah melupakannya semuanya. Aku sayangkan emak. Aku tahu emak tak mahu aku jadi pendendam.

Aku baca kitab lama tinggalan arwah abah tentang silaturrahim.

Sabda Rasulullah, “Sesungguhnya Allah telah memerintahkan kepadaku untuk menjalin silaturrahim terhadap orang-orang yang telah memutuskannya kepadaku dan memaafkan orang-orang yang telah menzalimiku serta member kepada orang-orang yang telah berbuat bakti kepadaku.”

Firman Allah, “Tolaklah kejahatan itu dengan cara yang lebih baik, maka tiba-tiba orang yang antaramu dengan dia ada permusuhan seolah-olah telah menjadi teman yang sangat setia.

(Surah Al-Fushshilat: ayat 34)

(SFS: hlm. 134)

PRINSIP PENGKARYA YANG MENGISTIKMALKAN DIRI

Prinsip ini dapat ditemui pada ceritaan garapan pengarang. Aminah Mokhtar seorang pesara jururawat yang dapat dikesan pemikiran, kebijaksannya menggarap idea yang penuh tarbiyah menepati sasaran pembaca pelbagai tahap umur dan pendidikan bersandarkan ajaran Islam yang syumul. Mesej dakwah dengan olahan bahasa yang puitis (estetik) banyak ditemui pada garapan beliau pada karya Seteguh Fikrah Saleha (SFS). Kenyataan pengalaman pengarang sebagai jururawat dapat ditemui berdasarkan petikan berikut:

Emak nampak sihat. Seminggu di hospital, emak jadi pesakitku yang paling taat. Makan minum yang aku sudutkan ke bibirnya tak pernah ditolak. Aku masukkan apa pun ubat dalam mulutnya, tak pernah diluahkan. Hari kedua, aku suruh dia gerakkan kaki, dia gerak-gerakkan kaki dan tangan dengna penuh semangat untuk menolong jantungnya mengepam darah ke seluruh badannya.

*Hari ketiga, aku bawa dia berjalan perlahan-lahan keliling katil dan hari keempat dia sudah boleh berjalan keluar wad.
.....aku sudah pun berjaya menjadi jururawat yang baik pada lembu-lembu, kambing-kambing, pokok-pokok getah dan kelapa sawit di kebun Bukit Ledang.*

(SFS: hlm 147-148)

Pengarang juga tidak jemu sentiasa mengucapkan kalimah syukur, Alhamdulillah, banyak menerap pengalaman dan amalan hidup beliau dalam novel Seteguh Fikrah Saleha (SFS). Terdapat banyak ayat-ayat suci al-Quran diselit pada setiap babdalam karya tersebut.

Konsep pengorbanan dan tanggungjawab yang diamanahkan diperkenalkan seperti sikap tolong-menolong dan bekerjasama merupakan sifat mahmudah iaitu sifat terpuji yang perlu ditanam bagi setiap orang yang bergelar muslim dan mengaku beriman kepada Allah SWT. Ini jelas diterangkan dalam al-Quran iaitu:

“Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengah yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah.”

(Surah Al-Taubah: 71)

Situasi tersebut dapat dilihat berdasarkan garapan watak Salamiah

Salamiah antara anak Mak Ngah Melor yang paling berduit. Paling berpengaruh. Paling bergaya. Paling pandai bercakap dan paling banyak paling-palingnya. Paling pandai adalah psang pukut di air keruh.

(SFS: hlm 111)

Olahan watak Salamiah garapan pengarang sebagai penyelamat keluarga dalam kesukaran digambarkan lagi sebagaimana berikut:

Kebun getah lima ekar di parit Simpang dan tapak rumah yang didiaminya sekarang yang dicagarkan pada bank terpaksa dilelong. Salamiah terpaksa tolong.pergi sampai ke pejabat tanah Johor Bharu untuk selesaikan masalah hutangnya.

(SFS: hlm.110)

Kesimpulannya kajian ini dapatlah menpati objektif kajian antaranya mengenalpasti konsep-konsep Islam dalam karya, melihat pemikiran pengarang dalam karya bagimenggambarkan karya berunsur Islam dan menilai teknik dan keindahan dalam karya menggunakan teori *Takmilah*.

Novel Seteguh Fikrah Saleha ini sarat dengan mesej-mesej perjuangan meneroka kehidupan dengan pelbagai dugaan tanpa putus asa disulami dengan nilai-nilai Islam yang bermanfaat sebagai tarbiyah kehidupan kepada masyarakat. Kelainan garapan penulis dalam dalam ini telah mendorong pengkajimeneliti dan menganalisis mesej-mesej

bermakna yang belum ada kajian yang terperinci dilakukan terhadap karya ini. Namun Kamariah Kamarudin dalam kajian *Novel Melayu dalam Pelbagai Perspektif* ada membicarakan tentang *Konsep Qudwah Hasanah Wanita Islam dalam Pemerkasaan Ummah*.

KESEMPURNAAN KHALAYAK MEMUPUK KE ARAH INSAN KAMIL

Prinsip terakhir yang akan diaplikasikan terhadap Seteguh Fikrah Saleha (SFS) ialah prinsip hubungan *Takmilah* dengan khalayak yang memupuk ke arah insan *Kamil*. Prinsip ini memberi penekanan terhadap hubungan karya dengan khalayak dengan melihat sejauh mana sesebuah karya yang dihasilkan itu dapat memupuk khalayak ke arah insan *Kamil*. Khalayak dalam konteks teori *Takmilah* merupakan sambutan pembaca atau pengkaji terhadap sesebuah karya sastra yang dikemukakan oleh seseorang penulis dengan nilai-nilai kebaikan yang mengarahkan kepada keinsafan. Khalayak terdiri daripada berbagai golongan dan lapisan. Khalayak merupakan kumpulan sasaran yang perlu dibimbing oleh penulis melalui karya yang dihasilkan. Mereka seharusnya dibimbing melalui hasil karya yang mempunyai nilai estetik yang positif seperti keilmuan, pendidikan, nilai moral, falsafah dan sebagainya.

Karya yang baik adalah karya yang mampu memupuk rasa keagungan terhadap Allah SWT. Malah sesebuah karya yang baik juga menyeru khalayak supaya taat kepada perintah Allah. Seteguh Fikrah Saleha (SFS) merupakan karya yang mampu menanam rasa cinta kepada Allah. Selain itu, jalinan cerita di dalam karya ini menggambarkan kesyumulan Islam yang mampu menjadi pedoman dalam seluruh aspek kehidupan manusia.

Novel ini juga telah menyampaikan aspek-aspek dan nilai-nilai positif kepada pembaca dengan menyemaikan unsur-unsur dakwah, pendidikan, akhlak yang *mentakmilahkan* insan dan karya. Sebagai khalayak pembaca, novel ini dapat memberi kesedaran kepada pembaca dalam menjalani kehidupan seharian. Malah novel ini mampu mendidik pembaca menjadi manusia yang berjaya dan bahagia. Ini dapat dilihat melalui watak Saleha dan nenek moyangnya yang bersederhana dalam kehidupannya tetapi bahagia kerana hidupnya dicurahkan untuk mencari keredhaan Allah SWT. Maka ia serasi dengan teori *Takmilah* yang mementingkan nilai-nilai positif dalam sesebuah karya agar khalayak pembaca dapat menjadikannya panduan dan iktibar dalam mencapai kesempurnaan dirinya sebagai muslim sejati.

Sifat kepimpinan yang ditonjolkan oleh pengarang dalam novel SFS antaranya dideskripsi pada watak nenek moyang Saleha. Hal tersebut dapat diteliti berdasarkan monolog Saleha seperti berikut:

Arwah-arwah nenek moyangku berjaya menjadi pemimpin kaum di zamannya. Berjaya menjadi tuan tanah beratus ekar yang sanggup untuk mengikut. ata atuk, mereka berjaya bukan kerana kehebatan kepimpinan yang mereka ada, tetapi kerana adanya pengikut.

Bolehkah aku menjadi pemimpin dan meminta orang lain mengikut? Kenapa tak? Ya, aku boleh. Boleh, kalau aku tahu bagaimana untuk mengikut. Aku yakin, pemimpin yang efektif faham tentang keperluan pengikut yang efektif. Atuk suruh aku baca surah Taaha ayat 29 hingga 31. Aku membaca lafaz dan tafsirannya,

“Dan jadikalah untukku [Nabi Musa] seorang wazir [pembantu] daripada keluargaku iaitu Harun, saudaraku. Tegakkanlah dengan dia kekuatan dan jadikanlah dia sekutu dalam urusanku.

Aku merenung diri sendiri.

Aku nampak Hamzah, nampak Mirul, nampak atuk, nampak emak, nampak dua orang adik perempuanku dan Nampak Iqbal. Aku teringat sabda Rasulullah, “sesiapa di kalangan kamu ditugaskan menjadi pemimpin, maka dia menghendaki kebaikan di depannya nescaya dia melantik untuknya wazir yang soleh [baik], maka jika ia lupa nescaya ia mengingatinya dan jika ia mengingatinya ia menolaknya.”

Sayidina Othman bin Affan pula berkata, “Bagi tiap-tiap pemimpin itu ada beberapa orang wazir dan penasihat-penasihat, maka kamulah orang yang diberi tugas menjadi wazir-wazirku dan penasihatku yang aku memberi kepercayaan kepadanya.”

Kata atuk lagi; pemimpin adalah pengikut, pengikut dan pemimpin adalah orang yang sama, yang memainkan peranan berbeza pada masa yang berbeza. Setiap pengikut itu pemimoin kerana setiap penjual juga seorang pembeli, seorang pedagang juga seorang pengguna dan seorang guru adalah seorang murid sebagaimana seorang ibu dan ayah itu adalah seorang anak.

Dan perlu aku inga; Pemimpin adalah pengikut yang reda menjadi hamba.

(SFS : hlm 255-256)

Justeru, novel ini telah mendidik manusia supaya menjadi seorang insan yang sempurna yang bertepatan dengan teori *Takmilah*. Karya yang dihasilkan oleh penulis dilihat dari sudut *Takmilah* karya Islam iaitu usaha penulis dalam menyampaikan dakwah, pendidikan dengan menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam karyanya. Oleh itu, apabila pembaca membaca karya ini khalayak akan beroleh manfaat dengan penghayatan nilai-nilai Islam yang diterapkan dalam karya.

Pengarang jugamelakarkan keindahan dengangaya bahasa yang digunakan menepati prinsip *Takmilah* yang menegaskan Allah itu indah dan sukakan keindahan. Pengarang banyak menggunakan gaya bahasa seperti metafora, personifikasi, simile dan sebagainya. Aspek estetika diberi perhatian oleh pengarang walhal menurut konsep sastera Islam, karya sastera Islam hendaklah indah dan berfaedah iaitu menekankan aspek estetika dan mesej kebaikan.

Kewujudan keindahan dalam karya Aminah Mokhtar khasnya Seteguh Fikrah Saleha (SFS) dapat ditemui pada unsur-unsur lahiriah dan maknawiah. Unsur lahiriah merujuk kepada bentuk, isi, tema, struktur dan teknik, watak dan perwatakan, serta penggunaan gaya bahasa dalam karya. Elemen gaya bahasa akan merujuk kepada penggunaan diksi, metafora, personafikasi, hiperbola, simile dalam novel.

Aminah Mokhtar menguasai gaya bahasa yang pelbagai dan berjaya menghasilkan karya yang puitis dengan nilai keindahan (estetika) yang bergaya. Antara beberapa petikan yang mempunyai nilai estetik adalah seperti berikut:

“....daripada menjadi lembu di Teratai Enterprise lebih baik bela lembu sendiri.”

(SFS: hlm 10)

“Aku ternampak-nampak wajah teduh emak duduk bersimpuh di birai hati...”

(SFS: hlm308)

Petir berdesup ke hati. Untuk pertama kali aku terasa, jantungku dipanah petir.

(SFS: hlm.309)

Dalam gelodak tsunami perasaan, aku ternampak wajah arwah abah hanyut terapung-apung.

(SFS: hlm.309)

KESIMPULAN

Novel ini juga menerapkan prinsip Islam yang bersifat *Akmal* dengan menerapkan nilai-nilai hidup yang berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Melalui gambaran dan jalan cerita ini jelas pengarang mengajak khalayak pembaca ke arah kebaikan dengan mengerjakan amalan-amalan yang baik untuk dijadikan panduan kecemerlangan dunia dan kegemilangan di akhirat. Hal demikian, ia menepati prinsip hubungan *Takmilah* dengan khalayak pembaca memupuk ke arah insan *Kamil*.

Kesimpulannya, kesemua prinsip tersebut telah diaplikasikan pengkaji dalam menganalisis novel Seteguh Fikrah Saleha, karya Aminah Mokhtar. Pengkaji mendapati pengarang berjaya menghasilkan karya yang bertunjangkan tauhid sepertimana yang digagaskan dalam teori *Takmilah*. Novel ini juga mempunyai unsur pendidikan, dakwah dengan menanamkan nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan, jihad dan penentangan terhadap kemungkar dan ketidakadilan. Dengan penerapan unsur-unsur keIslaman tersebut dapat membimbing dan memandu pembaca menjalani kehidupan sebagai seorang muslim yang *Kamil*.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran dan Terjemahannya, 1971. Yayasan Peyelenggara Penterjemah/Penafsir Al-Quran: Jakarta.

Aminah Mokhtar, *Seteguh Fikrah Saleha*, PTS Litera Utama Sdn. Bhd, Melawati, Kuala Lumpur.

Aminoh Yasalae, 2009. *Penerapan Teori Takmilah Dalam Sajak-Sajak Melayu Patani*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Che Ruzzi Wani Binti Che Yu, 2001. *Teori Takmilah: Analisis Novel Mereka Yang Tertewas*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

H. Mahmud Yunus, 1973. *Tafsir Quran Karim*. P.T.Hidakarya Agung: Djakarta.

Imam Muhammad Abu Zahrah, 1996. *Aliran Politik Dan 'Aqidah Dalam Islam*. Penerbit Edaran Kalam. Selangor: Malaysia.

- Kamariah Kamarudin, 2006. "*Novel-Novel Berunsur Islam: Analisis Berdasarkan Teori Takmilah*". Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
-2014. *Novel Melayu dalam pelbagai Perspektif*, Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Kamus Dewan (*Ed.3*). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
-2014, *Teori Takmilah, Persatuan Penulis Budiman Malaysia*..
- Khairul Azhar Idris, 2007. *Keadilan Sosial Dari Perspektif Islam*. MPH Group Publishing Sdn. Bhd. Selangor: Malaysia.
- Mana Sikana, 1986. *Kritikan Sastera: Pendekatan dan Kaedah*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Kuala Lumpur: Malaysia.
- Mohamad Mokhtar Hassan, 2005. *Teori Konseptual-Kata Kunci*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Malaysia.
- Mohd Affandi Hassan, 2011. "Gagasan Persuratan Baru: Konsep Wacana Dalam Persuratan
- Muhammad Abdul Manan & Radiah Abdul Kadir, 1989. *Ekonomi Islam Teori DanPraktis*:
- Shurdi Bin Shuib, 2003. *Takmilah Sebagai Teori Penyempurnaan: Tumpuan Novel Dairi Bonda Karya Rohani Din*. Kertas Projek Ijazah Sarjana Sastera. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Subhi Al-Saleh, 1984. *Politik Dan Pentadbiran Di Dalam Islam*. Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM). Kuala Lumpur: Malaysia.